Praktis Topikal

Bahagian A Soalan Objektif

3.1 Pergerakan Bumi

1 Apakah cara pergerakan bumi dalam sistem suria? (MS Teks 34)

I Putaran
II Peredaran
III Lencongan
IV Goncangan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2 Laluan yang diikuti oleh sesuatu planet dan satelit dalam pergerakan mengelilingi matahari dikenali sebagai (MS Teks 34)

A paksi
B orbit
C satah
D gegelang

3 Apakah bentuk orbit bumi? (MS Teks 34)

A Sfera
B Elips
C Bulat
D Lingkaran

3.2 Putaran Bumi

4 Apakah arah putaran bumi? (MS Teks 35)

I Arah ikut jam
II Arah lawan jam
III Barat ke timur
IV Timur ke barat

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5 Maklumat berikut menunjukkan fenomena yang berlaku di bumi. (MS Teks 35)

- Kejadian pasang surut
- Pembiasan angin lazim
- Kejadian siang dan malam

Kejadian tersebut berlaku disebabkan oleh

A putaran bumi
B daya koriolis bumi yang kuat
C pancaran satelit kepada bumi
D peredaran bumi mengelilingi matahari

6 Berapakah kecondongan paksi bumi pada satah tegak? (MS Teks 35)

A $22\frac{1}{2}°$
B $23\frac{1}{2}°$
C $22\frac{1}{4}°$
D $23\frac{1}{4}°$

7 Mengapakah pasang surut berlaku dua kali dalam tempoh 24 jam? (MS Teks 37)

A Pembiasan angin lazim
B Kejadian siang dan malam
C Perbezaan angin tempatan
D Tarikan graviti antara bumi dengan bulan atau matahari

8 Rajah berikut menunjukkan kejadian pasang surut. (MS Teks 37)



Di kawasan manakah berlakunya kejadian air surut?

I R
II P
III S
IV Q

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

9 Antara berikut, yang manakah kesan putaran bumi? (MS Teks 35 – 37)

I Gerhana bulan
II Kejadian empat musim
III Kejadian pasang surut
IV Kejadian siang dan malam

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

10 Apakah yang dimaksudkan dengan daya koriolis? (MS Teks 37)

A Pergerakan angin terbias ke arah kanan
B Tarikan graviti antara bumi dengan bulan
C Daya pesongan aliran udara kesan putaran bumi pada paksinya
D Daya tarikan yang menggerakkan jasad ke arah pusat bulan atau bumi

3.3 Peredaran Bumi

11 Bilakah afelion berlaku? (MS Teks 38)

A Dua minggu selepas solstis musim sejuk
B Dua minggu selepas solstis musim panas
C Satu minggu selepas solstis musim panas
D Dua minggu sebelum solstis musim panas

Scanned with CamScanner
LIVEWORKSHEETS

12 Apakah yang dimaksudkan dengan perihelion?
MS Teks 38
A Jarak bumi yang paling jauh dari bulan
B Jarak bumi yang paling jauh dengan matahari
C Jarak bulan yang paling hampir dengan matahari
D Jarak bumi yang paling hampir dengan matahari

13 Rajah berikut menunjukkan fenomena yang berlaku di bumi.
MS Teks 40



Fenomena tersebut berlaku kesan daripada
I putaran bumi
II gerhana matahari
III kecondongan paksi bumi
IV peredaran bumi mengelilingi matahari
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

14 Fenomena yang manakah menggambarkan maklumat berikut?
MS Teks 41

- Matahari tengah hari berada tegak di atas kepala di Garisan Khatulistiwa (0°)
- Hemisfera utara mengalami musim bunga dan hemisfera selatan mengalami musim luruh
- Hampir semua kawasan mengalami tempoh siang dan malam yang sama panjang

A Ekuinoks musim bunga
B Ekuinoks musim luruh
C Solstis musim panas
D Solstis musim sejuk

15 Mengapakah gerhana matahari tidak meliputi seluruh permukaan bumi?
MS Teks 42
A Bulan berputar mengelilingi bumi
B Bumi sentiasa mengelilingi matahari
C Bulan adalah lebih kecil daripada bumi
D Bumi adalah lebih kecil daripada matahari

16 Pernyataan yang manakah benar tentang A dalam rajah berikut?
MS Teks 40 - 41



I Berlaku pada 22 Disember
II Waktu malam lebih panjang di hemisfera utara
III Matahari tengah hari berada tegak di atas Garisan Khatulistiwa
IV Hemisfera utara mengalami musim bunga dan hemisfera selatan mengalami musim luruh
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

17 Berdasarkan rajah berikut, kedudukan bulan yang manakah menyebabkan berlakunya gerhana matahari?
MS Teks 42



18 Maklumat berikut berkaitan dengan satu fenomena.
MS Teks 42

Kedudukan bulan menghalang cahaya matahari ke bumi menyebabkan bayang-bayang bulan melindungi bumi.

Apakah fenomena tersebut?
A Gerhana bulan
B Gerhana matahari
C Kejadian pasang surut
D Kejadian empat musim

Scanned with CamScanner
LIVEWORKSHEETS